

KPDNKK nafi keluar senarai harga minyak masak

UM 2/11

PUTRAJAYA 1 Nov. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menafikan telah mengeluarkan senarai harga minyak masak bukan bersubsidi seperti tersebar di laman sosial semalam.

Menurut kenyataan kementerian tersebut, harga jualan minyak bukan bersubsidi tidak ditetapkan pihaknya tetapi ditentukan pihak industri mengikut pasaran minyak sawit.

“Walau bagaimanapun, industri tersebut masih tertakluk di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Hal ini bermakna jika terdapat kenaikan harga tidak munasabah, tindakan boleh diambil kerana mengambil keuntungan berlebihan.

“Kementerian akan meningkatkan pemeriksaan di seluruh negara bagi memastikan bekalan minyak masak sentiasa berada di pasaran termasuk harga minyak masak bersubsidi supaya dijual mengikut harga ditetapkan kerajaan,” kata kementerian itu dalam laman Facebook hari ini.

Senarai harga minyak masak bukan bersubsidi tersebar di media sosial sejak semalam dengan menunjukkan harga meningkat antara RM1.50 dan RM9 sehingga mencetuskan tanda tanya dalam kalangan para pengguna.